


 <b>FAKULTI MUZIK</b>	<b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 1/29

## GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO FAKULTI MUZIK

<b>DISEDIAKAN OLEH</b>	<b>DISEMAK OLEH</b>
 <b>Penyelaras Pengurusan Risiko Fakulti Muzik</b>	 <b>Wakil Pengurusan Fakulti Muzik</b>
<b>DILULUSKAN OLEH</b>	
 <b>Dekan Fakulti Muzik</b>	
<b>TARIKH KUATKUASA</b>	No. Keluaran : 01
1 November 2021	No. Pindaan : 00



**FAKULTI  
MUZIK**


**GARIS PANDUAN  
PENGURUSAN RISIKO**

No. Keluaran : 01

Tarikh  
Kuatkuasa : 1 November 2021

Muka Surat : 2/29

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
<b>1.</b>	<b>BAHAGIAN 1: Polisi Pengurusan Risiko</b>	<b>3</b>
	1.0 Objektif Pengurusan Risiko UiTM	3
	2.0 Pendekatan Pengurusan Risiko	3
	3.0 Peranan Jawatankuasa Unit Pengurusan Risiko (UPR)	4
	4.0 Peranan Jawatankuasa Penyelaras Pengurusan Risiko Fakulti	5
	5.0 Pengurusan Risiko Sebagai Sebahagian Daripada Sistem Kawalan Dalaman	5
	6.0 Laporan Tahunan Kajian Semula Keberkesanan	7
<b>2.</b>	<b>BAHAGIAN 2: Pengenalan Proses Pengurusan Risiko</b>	<b>8</b>
<b>3.</b>	<b>BAHAGIAN 3: Definisi Risiko dan Pengurusan Risiko FM</b>	<b>10</b>
<b>4.</b>	<b>BAHAGIAN 4: Mekanisme Pengurusan Risiko FM</b>	<b>11</b>
	Langkah 1 : Konteks	14
	Langkah 2 : Mengenalpasti Risiko	15
	Langkah 3 : Klasifikasi Risiko	16
	Langkah 4 : Analisis Risiko	16
	Langkah 5 : Menilai Risiko	19
	Langkah 6 : Respon Ke Atas Risiko	21
	Langkah 7 : Pemantauan dan Semak Semula	23
<b>5.</b>	<b>BAHAGIAN 5: Pelaporan Risiko</b>	<b>23</b>
<b>6.</b>	<b>BAHAGIAN 6: Kursus Kesedaran Pengurusan Risiko</b>	<b>24</b>
<b>7.</b>	<b>BAHAGIAN 7: Struktur Pentadbiran dan Pelaksanaan Pengurusan Risiko</b>	<b>24</b>
	7.1 Struktur Pentadbiran Risiko	24
	7.2 Struktur Pelaksanaan Pengurusan Risiko	26
<b>8.</b>	<b>RUJUKAN</b>	<b>27</b>

	<b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 3/29


## BAHAGIAN 1: POLISI PENGURUSAN RISIKO

### 1.0 Objektif Pengurusan Risiko UiTM

- Melindungi aset dan sumber-sumber berharga.
- Melindungi dan meningkatkan reputasi atau imej sesebuah organisasi.
- Mewujudkan proses bagi mengenalpasti, menilai, mengukur, memantau, mengawal dan menangani risiko.
- Memupuk budaya pengurusan risiko ke atas warga universiti.
- Menyediakan satu rangka kerja pemulihan perkhidmatan yang komprehensif yang dapat digunakan ketika berlakunya insiden atau krisis.
- Penggunaan sumber-sumber dan keupayaan operasi yang efisien dan bertanggungjawab menjaga imej dan etika UiTM sebagai sebuah jenama yang berjaya.

### 2.0 Pendekatan Pengurusan Risiko


- Prinsip utama dalam menggariskan pendekatan fakulti untuk pengurusan risiko dan kawalan dalaman adalah seperti berikut:
  - Jawatankuasa Penyelaras Pengurusan Risiko Fakulti mempunyai tanggungjawab untuk menyelia pengurusan risiko di dalam fakulti secara keseluruhan.
  - Jawatankuasa Penyelaras Pengurusan Risiko Fakulti bersedia mengambil pendekatan yang terbuka untuk menyelesaikan masalah risiko yang berbangkit.
  - Pihak pengurusan fakulti memberi sokongan, menasihati dan melaksanakan dasar-dasar yang diluluskan oleh Unit Pengurusan Risiko (UPR).
  - Petanda risiko penting akan dikenalpasti dan dipantau dengan rapi secara berkala.

 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kkuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 4/29

### 3.0 Peranan Unit Pengurusan Risiko (UPR)

3.1 Unit Pengurusan Risiko (UPR) mempunyai peranan penting dalam aspek pengurusan risiko termasuklah:

- i. Menyelaras aktiviti Pengurusan Risiko Universiti di seluruh UiTM.
- ii. Menyelaras aktiviti bagi meningkatkan reputasi serta imej UiTM.
- iii. Menggubal, menambahbaik dan memantau pelaksanaan dasar dan garis panduan Pengurusan Risiko Fakulti.
- iv. Menyediakan rangka kerja Pengurusan Risiko Universiti yang komprehensif dan dapat diaplikasikan di dalam mengenalpasti dan menguruskan risiko oleh PTJ.
- v. Menjalankan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan budaya pengurusan risiko Universiti di kalangan warga UiTM.
- vi. Menyelaras fungsi jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam Pengurusan Risiko Universiti sepertimana yang diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi Universiti.
- vii. Memberi khidmat nasihat mengenai Pengurusan Risiko Universiti.
- viii. Memantau dan memastikan rangka kerja Pengurusan Risiko Universiti dilaksanakan di setiap PTJ bagi mencegah dan mengurangkan impak risiko kepada universiti.
- ix. Menyelaras dan memajukan laporan PTJ bagi risiko strategik yang memberi impak tinggi kepada universiti untuk dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Strategik Universiti.
- x. Menyelaras proses pengauditan dalam pengurusan risiko unversiti yang dijalankan oleh PTJ dan memberikan cadangan penambahbaikan untuk meningkatkan keberkesanan.
- xi. Menyediakan jaringan hubungan dengan Pihak Berkuasa Tempatan serta pakar rujuk bidang bagi Pengurusan Risiko Serta Pengurusan Krisis Dan Bencana.
- xii. Menyelaras aktiviti pengurusan krisis dan bencana di UiTM mengikut **Arahan Dasar Dan Mekanisma Pengurusan Krisis Dan Bencana UiTM.**

 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 5/29

#### **4.0 Peranan Jawatankuasa Penyelaras Pengurusan Risiko Fakulti**

4.1 Peranan utama pasukan jawatankuasa penyelaras risiko fakulti adalah untuk:

- i. Menyelaras maklumat yang diberikan oleh ahli kumpulan pemilik risiko dan menyediakan daftar risiko PTJ untuk rujukan dan kawalan.
- ii. Memantau status risiko seta pelaksanaan tindakan kawalan secara berkala.
- iii. Memajukan daftar risiko yang berimpak tinggi kepada Unit Pengurusan Risiko untuk dibincangkan di peringkat Pasukan Penilai Risiko Strategik.
- iv. Mewujudkan dan memantau pelaksanaan Pelan Tindakan Pencegahan Kerugian Dan Pengurusan Risiko.
- v. Mencadangkan kepada pihak pentadbiran PTJ aktiviti-aktiviti pembudayaan pengurusan risiko di PTJ.

#### **5.0 Pengurusan Risiko Sebagai Sebahagian Daripada Sistem Kawalan Dalam**


5.1 Sistem kawalan dalaman menggabungkan pengurusan risiko. Sistem ini merangkumi beberapa unsur yang juga memudahkan operasi yang berkesan dan cekap, membolehkan fakulti untuk bertindak balas terhadap pelbagai risiko operasi, kewangan dan komersial. Unsur-unsur ini terdiri daripada:

**a. *Dasar dan prosedur***

Selain daripada risiko penting terdapat satu siri dasar yang menyokong proses kawalan dalaman. Dasar ini ditetapkan oleh Unit Pengurusan Risiko yang dilaksanakan dan disampaikan oleh Jawatankuasa Penyelaras Pengurusan Risiko kepada kakitangan. Prosedur bertulis boleh menyokong dasar yang bersesuaian.

**b. *Laporan berkala***

Laporan komprehensif berkala bertujuan untuk memantau risiko penting dan kawalan mereka. Keputusan untuk penambahbaikan ke atas sebarang permasalahan dibuat dalam mesyuarat tetap Jawatankuasa Penyelaras

 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 6/29

Pengurusan Risiko Fakulti dan Unit Pengurusan Risiko jika sesuai. Mengekalkan rekod sewajarnya.

**c. *Perancangan bisnes dan belanjawan***

Perancangan bisnes dan proses belanjawan digunakan untuk menetapkan objektif, persetujuan pelan tindakan, dan memperuntukkan sumber. Kemajuan ke arah memenuhi objektif pelan bisnes akan sentiasa dipantau.

**d. *Rangka kerja risiko tahap tinggi (risiko penting sahaja)***

Rangka kerja ini disusun oleh Jawatankuasa Penyelaras Pengurusan Risiko Fakulti dan dapat membantu bagi memudahkan pengenalpastian, penilaian dan pemantauan berterusan risiko penting fakulti. Dokumen tersebut secara rasmi dinilai setiap tahun iaitu kewujudan risiko ditambah sebagaimana yang dikehendaki. Tindakan penambahbaikan dan petanda risiko dipantau secara berkala.

**e. *Rangka kerja risiko Fakulti/ Pusat Pengajian***


Dekan Fakulti menggunakan rangka kerja ini untuk memastikan bahawa risiko yang utama di fakulti dan pusat pengajian mereka dikenal pasti, dinilai dan dipantau. Dokumen tersebut secara rasmi dinilai setiap tahun. Kemunculan risiko baru ditambah sebagaimana yang dikehendaki. Tindakan penambahbaikan dan penanda risiko dipantau oleh Jawatankuasa Penyelaras Pengurusan Risiko Fakulti.

**f. *Jawatankuasa Audit***

Jawatankuasa Audit dikehendaki melaporkan kepada jawatankuasa penyelaras risiko fakulti mengenai kawalan dalaman dan memaklumkan Dekan tentang kemunculan mana-mana isu. Di samping itu, jawatankuasa menyelia audit dalaman, audit luaran dan pengurusan seperti yang dikehendaki dalam Laporan Kajian Semula Kawalan Dalaman. Oleh itu, adalah wajar jawatankuasa ini memberi nasihat kepada Jawatankuasa Penyelaras Pengurusan Risiko Fakulti mengenai keberkesanan sistem kawalan dalaman, termasuk sistem fakulti untuk pengurusan risiko.

**g. *Program audit dalaman***

Audit dalaman adalah elemen penting dalam proses kawalan dalaman. Selain daripada program kerja, audit dalaman bertanggungjawab bagi

 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 7/29

aspek kajian semula tahunan keberkesanan sistem kawalan dalaman dalam organisasi.

**h. Audit luaran**

Audit luaran menyediakan maklum balas kepada Jawatankuasa Audit mengenai operasi kawalan kewangan dalaman yang dibuat kajian semula sebagai sebahagian daripada audit tahunan.

**6.0 Laporan tahunan kajian semula keberkesanan**

Unit Pengurusan Risiko (UPR) bertanggungjawab untuk membuat kajian semula ke atas keberkesanan kawalan dalaman fakulti berdasarkan maklumat yang disediakan oleh Jawatankuasa Penyelaras Pengurusan Risiko Fakulti. Pendekatan yang digariskan adalah seperti di bawah:


6.1 Bagi setiap risiko penting yang dikenal pasti, Unit Pengurusan Risiko akan:

- a. Membuat kajian semula semula tahun sebelumnya dan menilai rekod fakulti mengenai pengurusan risiko dan kawalan dalaman.
- b. Mempertimbangkan profil risiko dalaman dan luaran tahun yang akan datang dan mempertimbangkan jika pengaturan kawalan dalaman semasa adalah berkesan.

6.2 Dalam membuat keputusan Unit Pengurusan Risiko akan mempertimbangkan aspek-aspek berikut:

**a. Kawalan Persekitaran:**

- Objektif fakulti serta sasaran kewangan dan bukan kewangan.
- Struktur organisasi dan keteguhan jawatankuasa penyelaras risiko fakulti.
- Budaya, pendekatan, dan sumber yang berkaitan dengan pengurusan risiko.
- Agihan autoriti.

 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 8/29

**b. Pengenal pastian berterusan dan penilaian risiko penting:**

- Mengenal pasti tepat pada masanya dan menilai risiko penting.
- Memberi keutamaan kepada risiko dan peruntukan sumber bagi menangani bidang risiko tinggi.

**c. Maklumat dan komunikasi:**

- Kualiti dan ketepatan masa makluman mengenai risiko penting.
- Keperluan tempoh masa yang sesuai bagi kawalan kerosakan untuk diiktiraf atau kewujudan risiko yang dikenal pasti.

**d. Pemantauan dan tindakan pembetulan:**


- Keupayaan fakulti untuk belajar daripada masalah.
- Komitmen dan kepantasan pelaksanaan terhadap tindakan pembetulan yang dilaksanakan.


6.3 Jawatankuasa Penyelaras Pengurusan Risiko Fakulti akan menyediakan laporan kajian semula keberkesanan sistem kawalan dalaman setiap tahun untuk dipertimbangkan oleh Unit Pengurusan Risiko (UPR).

## **BAHAGIAN 2: PENGENALAN PROSES PENGURUSAN RISIKO FM**


Unit Pengurusan Risiko ditubuhkan pada 3 Julai 2013. Dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar FASc. Penubuhan Unit Pengurusan Risiko telah dipersetujui oleh ahli mesyuarat Majlis Jawatankuasa Eksekutif Bil 8/2013 pada 10 Jun 2013. Asas Pengurusan Risiko telah mula digubal dan disediakan oleh Unit Pengurusan Risiko UiTM (UPR) pada 2014-2015. Perlaksanaan pengurusan risiko di jalankan di peringkat FM adalah pada tahun berikutnya iaitu pada 2016 sehinggalah pengurusan berterusan sehingga kini. Ini digambarkan seperti Rajah 1. Di samping itu juga panduan ini digubal bagi memenuhi keperluan standard dalam MS ISO 9001:2015. Rajah 2 dan 3 menunjukkan Pengurusan Risiko Bersepadu UiTM dan Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko UiTM.




 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 9/29




Rajah 1: Latarbelakang Pembentukan Pengurusan Risiko UiTM



Rajah 2: Pengurusan Risiko Bersepadu UiTM (UPR)

 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 10/29



Rajah 3: Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko UiTM (UPR)


### BAHAGIAN 3: DEFINISI RISIKO DAN PENGURUSAN RISIKO FM

Dalam persekitaran fakulti yang semakin kompleks, lebih-lebih lagi dengan mempunyai dua kampus yang terletak di lokasi yang berbeza iaitu kampus Shah Alam dan Kampus Seksyen 17 membuatkan risiko sentiasa wujud dalam setiap aktiviti dan proses kerja yang dijalankan oleh fakulti. Maka satu pendekatan yang sistematik adalah amat penting bagi mencapai objektif fakulti. Justeru, kerangka pengurusan risiko digunakan di semua lokasi FM secara konsisten bagi menguruskan risiko setiap aktiviti dan proses kerja. Fakulti Muzik mempunyai dua kampus yang berasingan iaitu:

- i. FM Kampus Induk Shah Alam
- ii. FM Kampus Seksyen 17 Shah Alam

#### Definisi Risiko

Ancaman atau kemungkinan bahawa tindakan yang diambil akan memberikan kesan yang akan menjejaskan keupayaan organisasi untuk mencapai objektifnya

 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 11/29

*(Mohd Nurfirdaus Wan Chik, UKM)*

**Definisi Pengurusan Risiko Menurut “ISO”**

Penyelarasan aktiviti organisasi secara bersepadu melalui penetapan hala tuju dan kawalan dalam menghadapi risiko.

*(Sumber:ISO 31000)*


**Mengikut polisi risiko UiTM, risiko adalah:**

Halangan yang menjejaskan kemampuan UiTM daripada mencapai objektif, pengurusan dan aktivitiya sebagaimana yang telah diamanahkan oleh pelanggan dan pemegang taruh keatasnya. Itizam UiTM adalah untuk menguruskan risiko secara proaktif dan bertanggungjawab bagi memastikan objektif Universiti tercapai.

*(Sumber :Rancangan Malaysia ke-10 UiTM; klausa 2.3.7.4)*


**BAHAGIAN 4: KERANGKA PENGURUSAN RISIKO FM**

Kerangka pengurusan FM dibentuk berdasarkan apa yang diselaraskan oleh Unit Pengurusan Risiko Universiti (UPR). Rajah 4, 5 dan 6 menggambarkan langkah-langkah, proses dan rantaian pengurusan risiko yang dijalankan diperingkat Universiti umumnya dan di FM khasnya.


 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 12/29



Rajah 4: Langkah-langkah pengurusan risiko UiTM




Rajah 5 : Proses Pengurusan Risiko

 <b>FAKULTI MUZIK</b>	<b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kkuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 13/29



Menentukan persekitaran strategic dan budaya universiti	Mengenalpasti risiko dan menentukan risiko menurut kategori	Menentukan kebarangkalian risiko berlaku seperti	Berdasarkan analisa ke atas kebarangkalian dan impak risiko	Mengenalpasti semua pilihan yang dapat mengurangkan kebarangkalian dan impak risiko	Tindakan susulan ke atas keputusan yang dibuat.	Pemakluman kepada Penyelaras Risiko PTJ serta pemakluman kepada J/kuasa Risiko Fakulti yang terdiri daripada pengurusan fakulti dan seterusnya kepada JK Pengurusan Risiko Universiti.
Mengenalpasti objektif university daripada segi misi dan visi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Strategik</li> <li>b. Kewangan</li> <li>c. Operasi</li> <li>d. Peraturan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hampir pasti</li> <li>• Berkemungkinan berlaku</li> <li>• Bepeluang berlaku</li> <li>• Kemungkinan rendah</li> <li>• Hampir tiada kemungkinan</li> </ul>	Penentuan kedudukan risiko sama ada: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sangat Tinggi</li> <li>• Tinggi</li> <li>• Sederhana</li> <li>• Rendah</li> </ul>	Membangunkan respon risiko	Menilai semula risiko dari segi kesesuaian	Pelaporan disalurkan melalui dalam talian (online) seperti web laporan
Mengenalpasti objektif jabatan.	Mengenalpasti diskripsi risiko	Menentukan impak risiko apabila berlaku seperti:		Memilih respon risiko seperti	Pelarasan keutamaan (priority) sekiranya perlu.	
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sangat besar</li> <li>• Besar</li> <li>• Ketara</li> <li>• Boleh diukur</li> <li>• Tidak ketara</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terima</li> <li>• Kurangkan</li> <li>• Pindahkan</li> <li>• Elakkan</li> </ul>		

Rajah 6: Rantain pengurusan Risiko Universiti

 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kkuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 14/29

### Langkah 1 : Konteks

Menetapkan konteks atau skop risiko yang akan mempengaruhi pengurusan atau kerja PTJ. Konteks ini merangkumi objektif, fungsi dan proses kerja sesuatu PTJ. Dalam membangunkan konteks, ianya terbahagi kepada dua konteks iaitu dalaman dan luaran.

- **Konteks Dalaman**


Perkara-perkara yang boleh mempengaruhi persekitaran **DALAMAN** Universiti/PTJ dalam mencapai objektif.

- i. Struktur dan tadbir urus organisasi.
- ii. Polisi, objektif dan strategi yang digunakan untuk mencapainya.
- iii. Keupayaan dan sumber universiti termasuk staf, bajet, masa, pelajar, proses pengurusan, sistem dan teknologi
- iv. Pengurusan maklumat dan bagaimana maklumat digunakan untuk membuat keputusan.
- v. Hubungan dan pandangan oleh pemegang taruh dalam universiti.
- vi. Budaya-budaya dalaman yang menjadi amalan di universiti.

- **Konteks Luaran**

Perkara-perkara yang boleh mempengaruhi persekitaran **LUARAN** Universiti/PTJ dalam mencapai objektif.


- a. Budaya and sosial
- b. Masyarakat
- c. Politik, perundangan dan peraturan
- d. Polisi Kementerian
- e. Teknologi
- f. Keadaan semasa ekonomi
- g. Pemacu utama dan trend terkini
- h. Hubungan dan pandangan oleh pemegang taruh luar dari university

 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 15/29

## Langkah 2: Mengenalpasti Risiko

- Semua risiko perlu dikenalpasti.
- Perlu mengambilkira risiko di dalam dan di luar kawalan.
- Memahami **objektif organisasi** yang perlu dicapai.
- Selain itu juga, beberapa faktor yang menentukan sejauh mana kebarangkalian dan impak ke atas perkara-perkara berikut adalah sumber kepada risiko seperti:
  - a. Aset dan sumber universiti
  - b. Aktiviti utama universiti
  - c. Alam sekitar
  - d. Kesan kepada manusia: - sabotaj, rebutan kuasa
  - e. Kerosakan harta: - kebakaran, banjir, letupan
  - f. Ekonomi: - ketidak tentuan matawang asing
  - g. Warga Universiti atau orang awam
  - h. Kewangan: - fraud kecurian
  - i. Kesan pada alam semulajadi: -pertukaran cuaca, gempa bumi, tsunami
  - j. Liabiliti professional: - kecacatan pada rekabentuk
- a. Alat dan teknik:
  - a. Temuduga berstruktur
  - b. Percambahan minda
  - c. Perbincangan kumpulan
  - d. Analisis aliran kerja
  - e. Kajian fizikal
  - f. Rekod kerugian lampau

Proses pengenalpastian risiko adalah berdasarkan kepada semua input, proses, output dan juga lain-lain faktor yang boleh memberi ancaman risiko kepada proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran di fakulti. Pengenalpastian ini adalah menggunakan format pengenalpastian risiko yang telah digubal seperti dalam Rajah 7 di bawah.

 <b>FAKULTI MUZIK</b>	<b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 16/29

NAMA PTJ :															
Nama Ketua Pusat Tanggungjawab (Dekan/Rektor/Ketua Jabatan/Pengarah) :															
Nama Projek/Proses (Jika berkenaan) :															
No. Ruj (Untuk Kegunaan Pejabat)	1. Kategori Risiko	1b. Risiko Institusi atau Unit	2. Keterangan Risiko	3. Punca/ Penyebab Risiko		4. Impak Risiko	5. Kaedah Kawalan			6. Kebarangkalian	7. Penilaian Impak				8. Tahap Imp
				(A) Klasifikasi Punca (Untuk Kegunaan Pejabat UPR)	(B) Penerangan		(A) Kawalan Sedia ada	(B) Kawalan tambahan yang di cadangkan	(C) Klasifikasi kawalan (Untuk Kegunaan UPR)		(a) Manusia	(b) Reputasi / Imej	(c) Kewangan	(d) Operasi	
										0	0	0	0	0	0
										0	0	0	0	0	0
										0	0	0	0	0	0
										0	0	0	0	0	0
										0	0	0	0	0	0
Tarikh analisa :															

Rajah 7: Contoh format pengenpastian risiko melalui daftar risiko oleh UPR

### Langkah 3: Klasifikasi Risiko

Risiko boleh dikategorikan kepada beberapa jenis risiko seperti Jadual 1 di bawah:


KATEGORI	KETERANGAN
<b>Strategik</b>	Risiko-risiko yang menjadi halangan untuk mencapai halatuju atau objektif Pusat tanggungjawab (PTJ) dan/atau Universiti;
<b>Kewangan</b>	Risiko-risiko berkaitan keupayaan kewangan, prosidur pengurusan kewangan, keselamatan kewangan, dan lain-lain berkaitan kewangan;
<b>Perundangan</b>	Termasuklah risiko-risiko dari implikasi perundangan seperti perjanjian antara organisasi, penurunan kuasa serta lain-lain yang berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang;
<b>Reputasi</b>	Semua bentuk risiko yang sekiranya berlaku akan memberi implikasi kepada imej universiti;
<b>Operasi</b>	Risiko-risiko yang melibatkan semua proses kerja bagi mencapai objektif organisasi seperti keselamatan rekod, keselamatan pekerja, pengurusan dan pembangunan sumber manusia, fasiliti dan lain-lain.
<b>Projek</b>	Risiko-risiko yang dijangka sepanjang tempoh pelaksanaan sesebuah projek bermula dari proses penyediaan kertas cadangan projek sehingga projek tersebut siap dan diserahkan kepada pengguna. Melibatkan penilaian risiko dari semua aspek yang perlu dalam pelaksanaan projek termasuk tenaga kerja, kewangan, perundangan dan segala perancangan pelaksanaan projek.

Jadual 1: Kategori Risiko (Dokumen Dasar dan Mekanisme Pengurusan Risiko UiTM)

### Langkah 4: Analisis Risiko

Terdapat **3 kaedah analisis** dalam menentukan tahap risiko tersebut adalah seperti berikut :



 <b>FAKULTI MUZIK</b>	<b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kkuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 17/29

- i. Metodologi analisa risiko
  - a. Kaedah Kualitatif atau Kuantitatif
- ii. Skala Tahap Kebarangkalian
- iii. Skala Impak Risiko

**i. Kaedah analisa risiko**

Sumber bagi analisis risiko adalah seperti di Jadual 2 seperti di bawah:

KAEDAH	SUMBER
<b>Analisa Kualitatif</b>	Rekod lepas, pengalaman teknikal berkaitan, pertimbangan pakar, kajian pasaran, ekonomi, kejuruteraan serta model-model lain yang berkaitan
<b>Analisa Kuantitatif</b>	Analisa keputusan pokok Analisa kebarangkalian Analisa akibat Simulasi dan sistem pengurusan berkomputer
<b>Analisa Semi-Kuantitatif</b>	Kombinasi antara sumber kualitatif dan kuantitatif

**ii. Skala Tahap Kebarangkalian**

Dalam menganalisis risiko, pengenalpastian sejauhmana kebarangkalian boleh berlaku dan impak bagi sesuatu risiko adalah mengikut tahap seperti Jadual 3.


SKALA PENARAFAN	KETERANGAN
1 <b>JARANG</b>	Sesuatu kejadian yang jarang berlaku - sekali melebihi 3 tahun
2 <b>KEMUNGKINAN RENDAH</b>	Sesuatu kejadian yang rendah kemungkinan berlaku - sekali dalam setiap 3 tahun
3 <b>ADA KEMUNGKINAN</b>	Sesuatu kejadian yang mungkin berlaku - sekali setahun
4 <b>KEMUNGKINAN TINGGI</b>	Sesuatu kejadian yang besar kemungkinan berlaku - sekali setiap 6 bulan
5 <b>HAMPIR PASTI</b>	Sesuatu kejadian yang kerap/ hampir pasti berlaku - sekali dalam sebulan

Jadual 3 : Jadual indeks kebarangkalian

(Adaptasi dari Standards Australia Risk Management AS/NZS 4360:2004)

**iii. Skala Tahap Impak Risiko**

Jadual 4 menunjukkan tahap impak mengikut kategori yang digunapakai dalam pengurusan risiko FM seperti yang diselaraskan oleh UPR.


 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kkuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 18/29

Impak	Manusia	Reputasi	Kewangan	Operasi
1 (Tiada Kesan)	Kecederaan yang tidak memerlukan rawatan/ tidak menjejaskan produktiviti	Aduan terpencil	Implikasi kewangan sangat rendah dan didalam ruang kawalan pemunya risiko untuk menguruskan secara dalaman	Tidak dapat beroperasi kurang daripada 2 jam (<2 jam)
2 (Kecil)	mengalami kecederaan dan memerlukan rawatan pesakit luar/ menjejaskan produktiviti pada tahap minimal	1-5 aduan daripada pemegang kepentingan dan pelanggan.	Melibatkan implikasi kewangan <10% daripada peruntukan keseluruhan Pusat Tanggungjawab	Tidak dapat beroperasi di antara 2 - 4 jam
3 (Sederhana)	Mengalami kecederaan dan perlu dirawat di hospital (ditahan wad < 4 hari)/ menjejaskan produktiviti pada tahap proses kerja	6-10 aduan daripada pemegang kepentingan dan pelanggan.	Melibatkan implikasi kewangan 10% hingga 25% daripada peruntukan keseluruhan Pusat Tanggungjawab	Tidak dapat beroperasi di antara 1 - 3 hari
4 (Besar)	Mengalami kecederaan dan perlu dirawat di hospital (ditahan wad > 4 hari)/ mengakibatkan penurunan produktiviti pada peringkat jabatan	Publisiti buruk dari akhbar tempatan dan antarabangsa.	Melibatkan implikasi kewangan 25% hingga 50% daripada peruntukan keseluruhan Pusat Tanggungjawab	Tidak dapat beroperasi di antara 3 - 7 hari
5 (Sangat Besar)	Kematian/ mengakibatkan penurunan produktiviti universiti	Publisiti sangat buruk dari akhbar tempatan dan antarabangsa.	Melibatkan implikasi kewangan >50% daripada peruntukan keseluruhan Pusat Tanggungjawab	Tidak dapat beroperasi melebihi 7 hari

Jadual 4: jadual tahap impak mengikut kategori

Hasil yang diperolehi dibentuk dalam matriks seperti Jadual 4. Matriks ini terbahagi kepada **4 faktor** utama seperti berikut:

- a) Individu / Masyarakat
- b) Reputasi
- c) Operasi
- d) Kewangan

 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 19/29

Namun begitu penarafan risiko secara kasar (Gross Rating) ditentukan tanpa mengambilkira keberkesanan kawalan dalaman sedia ada. Hasilnya kedudukan risiko dapat ditentukan berdasarkan Jadual 5.

		Tiada kesan	Kecil	Sederhana	Besar	Sangat Besar
		1	2	3	4	5
Hampir Pasti	5	5	10	15	20	25
Kemungkinan tinggi	4	4	8	12	16	20
Ada kemungkinan	3	3	6	9	12	15
Kemungkinan rendah	2	2	4	6	8	10
Jarang	1	1	2	3	4	5

Jadual 5 : Matriks Kebarangkalian Dan Impak


(Adaptasi dari Standards Australia Risk Management AS/NZS 4360:2004)

### Langkah 5: Menilai Risiko

Kedudukan risiko dapat ditentukan setelah perhubungan impak dan kebarangkalian seperti Jadual 5. Kedudukan risiko boleh dikategorikan seperti :

- i. Ekstrem
- ii. Tinggi
- iii. Sederhana
- iv. Rendah

Pada masa yang sama berpandukan kedudukan risiko tersebut, pelan tindakan yang sesuai mengikut kod warna seperti Jadual 6.

 <b>FAKULTI MUZIK</b>	<b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 20/29

TAHAP RISIKO	SKALA	PENERANGAN
Ekstrem	13 - 25	Risiko sangat tinggi, pelan tindakan terperinci diperlukan
Tinggi	8 - 12	Risiko tinggi, diberi perhatian oleh pengurusan atasan agensi
Sederhana	4 - 7	Risiko sederhana, diurus dan diberi perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab
Rendah	1 - 3	Risiko rendah, diuruskan mengikut prosidur sedia ada

Jadual 6 : Kedudukan risiko dan pelan tindakan yang sesuai  
(Adaptasi dari Standards Australia Risk Management AS/NZS 4360:2004)

Seterusnya, dalam menentukan keberkesanan kawalan dalaman, terdapat 5 kategori iaitu :


- i. Cemerlang
- ii. Baik
- iii. Memuaskan
- iv. Lemah
- v. Tiada Kawalan

Perincian adalah seperti di Jadual 7:

KATEGORI KAWALAN	KETERANGAN
<b>Cemerlang</b>	Langkah mitigasi diukur setaraf dengan amalan terbaik global (penilaian bebas) diukur dan dilaksanakan
<b>Baik</b>	Langkah mitigasi yang baik, sentiasa disemak semula dan bersesuaian pada semua peringkat aktiviti
<b>Memuaskan</b>	Langkah mitigasi formal diukur dan dilaksanakan atau mengikut (SOP) <i>Standard Operating Procedure</i> .
<b>Lemah</b>	Langkah mitigasi yang minimum atau keperluan peraturan minimum diukur serta dilaksanakan
<b>Tiada Kawalan</b>	Tiada langkah mitigasi dilaksanakan

Jadual 7: Perincian kategori kawalan risiko

Pegawai Risiko perlu memastikan bahawa bagi kawalan yang dikategori kurang berkesan (lemah dan tiada kawalan) perlu diambil tindakan serta merta. Kawalan yang dibuat adalah

 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 21/29


dalam bentuk pengenalan, semak semula, atau penambahbaikan polisi, prosedur dan garis panduan, penambahbaikan proses perniagaan, aplikasi perisian atau alat, tindakan pihak kurang berkesan ataupun lain-lain mekanisme kawalan yang kurang memitigasi penyebab utama.

Setelah mengambilkira pengukuran kawalan, risiko kemudian dinilai semula kepada kebarangkalian berlaku dan impak dengan menggunakan parameter Jadual Kebarangkalian dan Impak Risiko, Jadual Impak Risiko serta Jadual Kedudukan Risiko dan kedudukan risiko akan ditentukan.

#### **Langkah 6: Respon Ke Atas Risiko**

Langkah 6 diambil dengan memberi respon kepada risiko yang dikenalpasti dan diukur lebih awal supaya dapat diurus ke tahap yang boleh diterima. Pada peringkat ini, kita perlu mengenalpasti dan menilai kemungkinan pilihan atau kesesuaian strategi yang perlu ditetapkan bagi menguruskan risiko terbabit. Satu pelan respon risiko perlu dibangunkan bagi mendapatkan jaminan munasabah ke atas pencapaian objektif. Pada kebanyakan keadaan, adalah sukar untuk mengelak dan menghapuskan risiko. Respon risiko adalah bertujuan :

- i. Meminimalkan kebarangkalian (kekerapan) risiko iaitu dengan melibatkan pihak pengurusan secara aktif menguruskan sumber – sumber risiko;
- ii. Mengurangkan impak risiko melalui mekanisme *pre-loss* pencegahan berlaku seperti kawalan dan pemantauan berkala atau *post-loss* seperti menyediakan DRP (*Disaster Recovery Plan*); dan
- iii. Respon Risiko terbahagi kepada 4 seperti yang dinyatakan juga pada Jadual 8 iaitu :
  - a. Terima
  - b. Kurangkan
  - c. Pindah
  - d. Henti


	<b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 22/29

Pemilihan 4 respon risiko ini perlulah mempunyai keseimbangan daripada segi kos dan manfaat. Beberapa persoalan yang digunakan dalam memilih pelan respon risiko seperti:

- i. Apakah keberkesanan kos yang sesuai?
- ii. Apakah penunjuk prestasi yang digunakan untuk mengawasi tahap risiko?
- iii. Apakah proses atau tindakan yang sesuai untuk meminimalkan risiko?
- iv. Apakah sumber yang diperlukan seperti kakitangan sokongan, peruntukan wang atau bantuan teknikal yang sesuai?
- v. Siapakah yang bertanggungjawab dalam melaksanakan pelan respon risiko dan tempoh masa yang terlibat?

Pilihan Tindakan Kawalan	Keterangan	Cadangan Tindakan Mitigasi
<b>Terima (Menyediakan plan)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelan efektif terhadap risiko mungkin terhad</li> <li>• Kos bagi mengurus risiko tidak setimpal dengan manfaat yang diterima</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• menilai dan memastikan perbelanjaan mengikut budget</li> <li>• mungkin melibatkan penentuan sasaran kerugian atau kos</li> </ul>
<b>Kurangkan Pilihan 1 (Mengurangkan kebarangkalian risiko)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cara yang terbaik adalah untuk memperkenalkan langkah pencegahan awal bagi mengurangkan keberangkalian risiko</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• membangunkan polisi, pelan perancangan atau garis panduan</li> <li>• latihan dan pengawasan</li> <li>• integriti dalam kerja</li> </ul>
<b>Kurangkan Pilihan 2 (Mengurangkan impak risiko)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cara yang terbaik adalah untuk memperkenalkan langkah pencegahan awal bagi mengurangkan impak risiko</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• pelan kontigensi</li> <li>• pelan pemulihan bencana</li> <li>• pengurusan penipuan</li> <li>• pindahan secara kontrak</li> <li>• kecilkan skala aktiviti</li> </ul>
<b>Pindah (Pindahkan risiko kepada pihak ketiga)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• kongsi semua atau sebahagian daripada risiko.</li> <li>• masih memerlukan perhatian khusus kerana masih ada element risiko yang terlibat (seperti risiko kredit atau reputasi)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• takaful atau insurance</li> <li>• usahasama atau perjanjian kontrak</li> </ul>
<b>Henti (Hentikan aktiviti yang menyebabkan risiko)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keputusan untuk tidak menjalankan aktiviti yang berisiko</li> <li>• dimana risiko melebihi manfaat kebaikan yang diterima</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• menutup aktiviti atau program</li> <li>• mengubah aktiviti atau cara pelaksanaan program</li> </ul>

Jadual 8: Jadual Pilihan Tindakan dan Mitigasi

	<b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 23/29

Keberkesanan pelaksanaan pelan respon risiko memerlukan sistem pengurusan yang efektif, yang mana spesifik :

- i. Kaedah yang dipilih;
- ii. Tanggungjawab yang jelas dan akauntabiliti pada setiap tindakan ; dan
- iii. Pemantauan aktif ke atas pelaksanaan dan penanda arasan terhadap kriteria spesifik.

### **Langkah 7 : Pemantauan dan Semak Semula**

Pemantauan perlu dilaksanakan secara berterusan dalam memastikan keseluruhan kerangka berfungsi dengan baik. Dengan erti kata yang lain, tindakan susulan ke atas hasil pada setiap langkah, penilaian semula ke atas risiko sekiranya perlu dan tahap keutamaan disemak semula. Pelarasan keutamaan diperlukan bergantung kepada :


- Faktor yang memberi kesan kepada kebarangkalian / kekerapan dan sejauh mana impak.
- Faktor-faktor yang memberi kesan kepada kesesuaian atau kos daripada pelbagai respon risiko.

Proses semak semula secara berterusan adalah sesuai untuk memastikan pelan Respon Risiko kekal relevan. Sehubungan itu, ia adalah sesuai untuk mengulangi keseluruhan proses sekiranya diperlukan. Alat pengurusan risiko boleh digunakan untuk mengumpul dan menyimpan risiko secara terkumpul dan Pelan Pengurusan Risiko bagi operasi jabatan masing-masing.

### **BAHAGIAN 5: Pelaporan Risiko**

Jawatankuasa Penyelaras Pengurusan Risiko FSPU di bawah Pasukan Pengurusan Risiko adalah bertanggungjawab menyediakan Daftar Risiko dan ringkasan Laporan Risiko kepada Unit Pengurusan Risiko mengenai:

- i. Senarai risiko yang signifikan.
- ii. Kawalan dalaman yang sesuai untuk mengurus risiko terbabit.

 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 24/29


- iii. Hasil yang diperolehi setelah kursus kesedaran risiko dibuat kepada semua kakitangan akademi.
- iv. Tahap kompetensi dan kemahiran penyelaras risiko setiap Pusat Pengajian.
- v. Daftar Risiko oleh Pusat Pengajian seperti di Lampiran 1.
- vi. Ringkasan Laporan Pengurusan Risiko seperti di Lampiran 2.

## BAHAGIAN 6: Kursus Kesedaran Pengurusan Risiko

Kursus dan Bengkel Pengurusan Risiko akan diberikan kepada semua ketua Pusat Pengajian (PP), Penyelaras Risiko PP di Fakulti dengan kerjasama dan pemantauan Unit Pengurusan Risiko (UPR) setiap tahun.

## BAHAGIAN 7: Struktur Pentadbiran dan Pelaksanaan Pengurusan Risiko

### 7.1 Struktur Pentadbiran Pengurusan Risiko




Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko UiTM (UPR)

#### 7.1.1 Pembangunan Polisi Pengurusan Risiko.

Penubuhan Unit Pengurusan Risiko telah dipersetujui oleh ahli mesyuarat Majlis Jawatankuasa Eksekutif Bil 8/2013 pada 10 Jun 2013. Asas Pengurusan Risiko



 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 25/29

telah mula digubal dan disediakan oleh Unit Pengurusan Risiko UiTM (UPR) pada 2014-2015. Ia adalah bertujuan :

- Memperincikan pelaksanaan kerangka pengurusan risiko di peringkat universiti;
- Menjelaskan peranan, tanggungjawab pihak yang terlibat; dan
- Menentukan perkara yang perlu dilakukan untuk merealisasikan pelan ini.

#### **7.1.2 Peranan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti.**


Melaporkan dan menasihati Lembaga Pengarah Universiti mengenai isu keberkesanan sistem pengurusan risiko universiti dan memberi amaran mengenai risiko yang signifikan.

#### **7.1.3 Pusat Pengurusan Risiko, Kelestarian dan Kesihatan Pekerja.**

Memberikan khidmat sokongan pelaksanaan pengurusan risiko dalam memastikan penerimaan pelaksanaan kerangka ini di PTJ seperti memastikan taklimat kepada pihak bertanggungjawab di PTJ dan universiti dilakukan. Ia juga bertanggungjawab dalam membangunkan sistem pelaporan, alat dan borang bagi pelaksanaan pengurusan risiko universiti.

#### **7.1.4 Peranan Jawatankuasa Pengurusan Risiko PTJ.**

- Melantik pegawai risiko dan jawatankuasa yang ahlinya terdiri daripada ahli pengurusan akademik (PTJ berkaitan akademik), pegawai insiden, pegawai kesihatan pekerjaan, pengurus kualiti dan ISO serta eksekutif atau pegawai yang bertanggungjawab menguruskan PTJ;
- Laporan pengurusan risiko perlu dibentangkan dalam agenda mesyuarat fakulti atau PTJ; dan
- Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memastikan risiko peringkat PTJ yang signifikan dikenalpasti, diukur dan dipantau.

 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kkuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 26/29

#### 7.1.5 Peranan Pegawai Risiko PTJ.

- Memastikan keseluruhan proses pengurusan risiko berjalan dengan lancar dan diselaraskan di peringkat jabatan;
- Mengenalpasti risiko di peringkat PTJ adalah komprehensif;
- Mengenalpasti strategi menangani risiko dengan menyemak aktiviti mitigasi yang dilakukan di peringkat PTJ serta keberkesanannya; dan
- Bertindak sebagai perantara PTJ dan juga urusetia Pusat Pengurusan Risiko. Kelestarian dan Kesihatan Pekerjaan di Fakulti/Institut/Pusat.
- Menguruskan dan memastikan agenda pengurusan risiko dibawa dalam mesyuarat pengurusan PTJ.


#### 7.1.6 Peranan Unit Audit Dalam

- Melaksanakan pengauditan berasaskan risiko;
- Fokus kepada kerja audit terhadap risiko yang sangat besar, besar dan signifikan;
- Memberi kerjasama yang proaktif dan melibatkan proses pengurusan risiko.

### 7.2 Struktur Pelaksanaan Pengurusan Risiko

#### 7.2.1 Pemantauan Risiko

- Setiap aktiviti yang dijalankan diadakan senarai semak yang boleh didapati dari:
  - i. Manual Kualiti
  - ii. Prosedur Sokongan
- Untuk menilai tahap risiko pihak akademi telah melaksanakan pemantauan berkala melalui kaedah:
  - i. Pemeriksaan berjadual
  - ii. Pemeriksaan mengejut
- Pelaksanaan pengauditan risiko dijalankan secara:
  - i. Audit Dalaman
  - ii. Audit Luaran

 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 27/29


### 7.2.2 Komunikasi Risiko

- Prosedur yang dirujuk adalah:
  - i. Berpandukan kepada arahan tetap Universiti.
  - ii. Surat pelaksanaan berdasarkan perintah tetap kerajaan.
- Prosedur Seragam Operasi (SOP)
  - i. Merujuk kepada SOP yang telah ditetapkan oleh Universiti.

## 8 RUJUKAN

1. Dokumen Dasar dan Mekanisma Pengurusan Risiko - Arahan Dasar dan Mekanisma Pengurusan Risiko UiTM
2. Pekeliling Tadbir Urus Pengurusan Risiko Universiti – Pekeliling Naib Canselor Bilangan 01 Tahun 2016 – Dikeluarkan pada 18 April 2016
3. Polisi dan Garis Panduan Pengurusan Risiko Universiti – Universiti Kebangsaan Malaysia



 <p><b>FAKULTI MUZIK</b></p>	<p align="center"><b>GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</b></p>	No. Keluaran : 01
		Tarikh Kuatkuasa : 1 November 2021
		Muka Surat : 29/29

## LAMPIRAN 2

### RINGKASAN LAPORAN RISIKO YANG DIKENALPASTI DI FAKULTI/CAWANGAN/JABATAN/BAHAGIAN/UNIT

Nama Jabatan : \_\_\_\_\_

BIL	KATEGORI RISIKO	Tandapan (/) pada yang berkenaan (**)		BILANGAN RISIKO YANG DIKENALPASTI MENGIKUT TAHAP			
		Ada	Tiada	Ekstrem	Tinggi	Sederhana	Rendah
1	Risiko Strategik						
2	Risiko Kewangan						
3	Risiko Perundangan						
4	Risiko Reputasi						
5	Risiko Operasi						
6	Risiko Projek Utama						

\*\* setiap risiko yang dikenalpasti boleh dikategorikan di bawah beberapa Kategori Risiko yang berbeza.

\_\_\_\_\_  
(Nama dan Tandatangan Penyelaras)

\_\_\_\_\_  
Cop Jabatan

Tarikh : \_\_\_\_\_

**Nota:**

- Bilangan risiko yang dilaporkan adalah bilangan keseluruhan risiko yang dikenalpasti.
- Senarai Risiko yang perlu dimajukan ke Unit Pengurusan Risiko adalah seperti berikut:
  - Risiko-risiko yang dijangka di bawah kategori Risiko Strategik
  - Risiko-risiko di bawah kategori lain yang dijangka memberi nilai Impak yang 'Extreme'
- Tiada had minima atau maksima bagi bilangan risiko yang dijangka dan direkodkan.